



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



PEMAKAIAN KETERANGAN PENDAPAT SEBAGAI KAEDAH
PEMBUKTIAN DALAM JENAYAH SIHIR DI MAHKAMAH
SYARIAH

*THE APPLICATION OF OPINION TESTIMONY AS A METHOD OF PROOF IN
WITCHCRAFT CRIMES IN THE SYARIAH COURT*

Mohd Sabree Nasri¹, Ruzman Md Noor^{2*}, Mohamad Afandi Md Ismail³, Mohamad Azhan Yahya⁴,
Abdul Karim Ibrhim⁵

- ¹ Calon PhD, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia
Email: mohdsabree@unimel.edu.my
- ² Prof. Madya, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia
Email: ruzman@um.edu.my
- ³ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (Shah Alam) Selangor, Malaysia
Email: mohamadafandi@uitm.edu.my
- ⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: azhan@ukm.edu.my
- ⁵ Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka, Malaysia
Email: abdulkarim@unimel.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.09.2024

Revised date: 28.10.2024

Accepted date: 04.11.2024

Published date: 12.12.2024

To cite this document:

Nasri, M. S., Noor, R. M., Ismail, M. A. M., Yahya, M. A., & Ibrhim, A. K. (2024). Pemakaian Keterangan Pendapat Sebagai Kaedah Pembuktian Dalam Jenayah Sihir Di Mahkamah Syariah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (38), 23-38.

Abstrak:

Pembuktian jenayah sihir di Mahkamah Syariah merupakan cabaran besar kerana sifatnya yang subjektif dan ketiadaan bukti fizikal yang nyata. Jenayah sihir sukar dibuktikan melalui kaedah pembuktian biasa dan memerlukan keterangan pendapat dari pelbagai pihak, termasuk pendapat pakar dan bukan pakar. Objektif artikel ini adalah untuk mengupas pemakaian pendapat pakar seperti pakar perubatan, forensik, psikologi, dan pengamal pengubatan Islam, serta pendapat bukan pakar yang merangkumi saksi-saksi tertentu dalam membuktikan jenayah sihir di Mahkamah Syariah. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis sumber-sumber primer dan sekunder seperti statut, keputusan mahkamah, jurnal, buku, dan laporan kes serta dianalisis menggunakan pendekatan jurispruden Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemakaian pendapat pakar memberikan asas saintifik yang lebih kukuh, manakala pendapat bukan pakar membantu melengkapi bukti melalui pengalaman dan pengamatan langsung. Pembuktian jenayah sihir memerlukan kombinasi pendapat pakar dan bukan

DOI: 10.35631/IJLGC.938003

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

pakar yang konklusif dan komprehensif. Cadangan perundangan termasuklah memperluas skop pemakaian kedua-dua jenis pendapat ini serta memperkenalkan prosedur khusus bagi memastikan keberkesanan pembuktian jenayah sihir di Mahkamah Syariah.

Kata Kunci:

Jenayah Sihir, Keterangan Pendapat, Mahkamah Syariah, Pendapat Bukan Pakar, Pendapat Pakar

Abstract:

The proof of witchcraft crimes in the Syariah Court poses a significant challenge due to its subjective nature and the absence of tangible physical evidence. Witchcraft crimes are difficult to establish through conventional methods of proof, necessitating expert and non-expert opinions from various parties, including medical, forensic, and psychological experts, as well as Islamic healing practitioners. The objective of this article is to explore the application of expert opinions such as those from medical, forensic, psychological experts, and Islamic healers, alongside non-expert opinions, including specific witnesses, in proving witchcraft crimes in the Syariah Court. The research methodology adopts a qualitative approach by analyzing primary and secondary sources, including statutes, court decisions, journals, books, and case reports, and is analyzed using an Islamic jurisprudential approach. The findings indicate that the use of expert opinions provides a stronger scientific basis, while non-expert opinions complement the evidence through experience and direct observation. Proving witchcraft crimes requires a conclusive and comprehensive combination of expert and non-expert opinions. Legislative recommendations include expanding the scope of both types of opinions and introducing specific procedures to ensure the effectiveness of proving witchcraft crimes in the Syariah Court.

Keywords:

Witchcraft Crimes, Expert Testimony, Syariah Court, Non-Expert Opinion, Expert Opinion

Pendahuluan

Pembuktian dalam jenayah sihir merupakan cabaran besar dalam sistem perundangan kerana sifatnya yang tidak nyata dan sering kali bergantung kepada keterangan pendapat pakar (Nasri, 2015). Keterangan pendapat pakar adalah bersifat kritikal dalam memberikan pandangan profesional dan saintifik kerana ia dapat membantu mahkamah membuat keputusan yang lebih tepat dan berasas (Rajamanickam, 2014). Artikel ini mengupas peranan pelbagai pakar dalam membuktikan jenayah sihir, termasuk pakar perubatan, pakar forensik, pakar psikologi, pengamal pengubatan Islam, serta peranan golongan bukan pakar. Penulisan ini turut menyoroti aspek perundangan yang relevan dalam konteks pembuktian dan keterangan dalam kes jenayah sihir, dengan memberi tumpuan kepada keseimbangan antara pendapat pakar dan bukan pakar dalam mencapai keadilan.

Konsep pemakaian keterangan pendapat dalam undang-undang merangkumi pendapat pakar dan bukan pakar (Salim & Cheong, 2016). Menurut Akta Keterangan 1950 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, keterangan pendapat pakar merujuk kepada keterangan yang

diberikan oleh individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu yang relevan dengan kes yang dibicarakan. Pakar ini memberikan pandangan yang berasaskan pengetahuan dan pengalaman mereka yang khusus (Ismail et al., 2021). Sebaliknya, keterangan pendapat bukan pakar merujuk kepada keterangan yang diberikan oleh individu yang tidak mempunyai kepakaran khusus tetapi mungkin mempunyai maklumat langsung atau pengalaman yang luas berkaitan dengan kes tersebut (Yusoff, 2004).

Antara isu utama dalam mengimplementasikan jenayah sihir ini adalah cabaran dari aspek pembuktian dan keterangan (Nasri, 2015). Persediaan Mahkamah Syariah dalam membawa kes berkaitan sihir semakin penting dalam menghadapi realiti kes-kes seperti ini yang kian meningkat. Mahkamah Syariah perlu mempersiapkan diri dengan memperkukuh keupayaan menerima dan menilai keterangan dari pelbagai sumber, termasuk pakar dan bukan pakar, serta memastikan para hakim mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam menilai elemen-elemen ghaib yang sering kali sukar dibuktikan (Ismail, 2022). Keadaan ini memerlukan latihan khusus dan penyediaan garis panduan yang jelas untuk memproses dan menilai keterangan dalam kes sihir, agar keputusan yang diambil berlandaskan prinsip keadilan dan integriti perundangan. Melalui kombinasi keterangan yang bersifat saintifik, agama, dan pengalaman peribadi (berdasarkan pendapat pakar dan bukan pakar), Mahkamah Syariah dapat memberikan penilaian yang lebih holistik dalam kes-kes yang bersifat kompleks ini.

Selain itu, beberapa negeri seperti Kelantan dan Terengganu telah mula mengambil langkah progresif dengan menggubal dan meluluskan undang-undang yang mengiktiraf kesalahan berkaitan sihir dalam enakmen jenayah Syariah masing-masing. Penggubalan ini membuktikan keseriusan dalam menangani kes-kes yang melibatkan sihir, yang sebelum ini sukar dibawa ke mahkamah kerana ketiadaan peruntukan khusus (Ismail, 2022). Langkah ini juga menunjukkan keperluan untuk memperhalusi pendekatan perundangan dan pembuktian, agar elemen-elemen sihir yang sukar dibuktikan dapat diadili dengan lebih baik melalui rangka kerja yang lebih jelas dan sistematik. Kewujudan undang-undang yang lebih spesifik dan peruntukan yang menyeluruh pada negeri-negeri ini menjadi perintis dalam mengintegrasikan pendekatan “tradisional” dan moden dalam sistem kehakiman Syariah, sekali gus membuka jalan kepada negeri-negeri lain untuk turut serta dalam memperkukuh sistem pembuktian dalam kes jenayah sihir. Justeru, objektif penulisan ini akan memfokuskan kepada aspek kerelevanan pemakaian keterangan pendapat (pakar dan bukan pakar) sebagai kaedah pembuktian dalam mensabitkan jenayah sihir khususnya di mahkamah syariah.

Jenayah Sihir Menurut Islam dan Perundangan

Dari sudut bahasa, istilah "sihir" dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan "*sahara*" yang bermaksud sesuatu yang tersembunyi dan halus. Sihir dalam konteks bahasa merujuk kepada sesuatu yang dilakukan secara tersembunyi dengan tujuan tertentu, seperti mempengaruhi orang lain melalui kaedah yang tidak dapat dilihat atau difahami secara biasa. Dari sudut istilah, para ulama mendefinisikan sihir sebagai perbuatan yang melibatkan penggunaan kekuatan ghaib atau ilmu hitam untuk membawa mudarat atau kesan negatif kepada orang lain. Sihir dalam Islam dianggap sebagai satu perbuatan yang melibatkan kerjasama dengan syaitan atau jin, yang bertujuan untuk menyesatkan dan mendatangkan kemudaratkan kepada orang lain, sama ada secara fizikal, mental, atau rohani (Al-Qurtubi, 2006; Ibn Kathir, 2003; Al-Mawardi, 1994).

Menurut Imam al-Qurtubi dalam kitabnya *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, sihir merupakan suatu perbuatan yang mengandung unsur pemesongan akidah dan pelanggaran syarak yang melibatkan penggunaan jampi, mantera, atau ritual tertentu dengan tujuan mendatangkan keburukan kepada orang lain (Al-Qurtubi, 2006). Kitab *Tafsir Ibn Kathir* juga menghuraikan bahawa sihir adalah perbuatan yang dikaitkan dengan perjanjian bersama syaitan untuk mencapai tujuan tertentu yang menyalahi hukum syarak (Ibn Kathir, 2003). Imam al-Mawardi dalam *al-Hawi al-Kabir* menyebut bahawa sihir adalah ilmu yang digunakan untuk menukar persepsi realiti, menjadikan perkara yang batil kelihatan benar di mata manusia melalui bantuan kekuatan ghaib (Al-Mawardi, 1994).

Dari perspektif perundangan Syariah di Malaysia, jenayah sihir telah mula diiktiraf di beberapa negeri melalui penggubalan undang-undang khusus. Misalnya, di Kelantan, kesalahan sihir telah diiktiraf di bawah Seksyen 4 Kanun Jenayah Syariah (I) Negeri Kelantan 2019, yang menyatakan bahawa mana-mana orang yang melakukan sihir atau menggunakan amalan sihir dengan tujuan mendatangkan kemudaratan kepada orang lain adalah melakukan kesalahan dan boleh dihukum mengikut peruntukan undang-undang tersebut (Kanun Jenayah Syariah (I) Negeri Kelantan, 2019). Begitu juga, di Terengganu, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 telah diluluskan untuk memasukkan peruntukan berkaitan perbomohan dan sihir. Walaupun enakmen tersebut telah diluluskan, setakat ini peruntukan sihir masih belum digazetkan atau dikuatkuasakan dalam bentuk undang-undang yang jelas (Harian Metro, 2022; Sinar Harian, 2022).

Peruntukan undang-undang ini menunjukkan keseriusan pihak berkuasa agama negeri dalam menangani jenayah sihir yang menjadi sebahagian daripada cabaran masyarakat Islam di Malaysia. Dengan adanya peruntukan undang-undang yang lebih spesifik dan berkuasa dalam menangani kes-kes sihir, Mahkamah Syariah kini mempunyai asas yang lebih kukuh untuk mendakwa dan menghukum mereka yang terlibat dalam amalan ini. Di samping itu, langkah ini juga selari dengan pandangan ulama dan nas-nas Islam yang mengharamkan sihir dan menjadikannya sebagai satu kesalahan berat dalam Islam (Mohammed, 1999). Namun, untuk memastikan undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, aspek pembuktian dan keterangan menjadi elemen yang sangat penting. Oleh kerana sihir melibatkan perkara-perkara yang tidak nyata dan sukar dibuktikan melalui kaedah pembuktian konvensional, pemakaian keterangan pendapat daripada pakar dan bukan pakar adalah sangat diperlukan. Keterangan ini berfungsi untuk menghubungkan elemen-elemen ghaib dengan bukti yang sah, sekaligus membolehkan mahkamah menilai dan memutuskan kes-kes sihir dengan adil dan berlandaskan prinsip-prinsip perundangan yang kukuh.

Metodologi

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk memahami pemakaian keterangan pendapat sebagai kaedah pembuktian dalam jenayah sihir di Mahkamah Syariah. Reka bentuk kualitatif ini dipilih kerana ia membolehkan penulis menganalisis isu dengan mendalam, merangkumi aspek perundangan dan sosial yang mempengaruhi penerimaan keterangan pendapat pakar dalam kes-kes yang sukar dibuktikan secara fizikal. Fokus penulisan ini adalah untuk menilai sejauh mana keterangan pendapat dari pakar perubatan, psikologi, forensik, dan pengamal perubatan Islam boleh diakui sebagai bukti kukuh dalam membuktikan jenayah sihir, di samping peranan keterangan pendapat bukan pakar yang turut menyokong kes-kes berkaitan.

Unit analisis kajian ini merangkumi peruntukan statut (perundangan) dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah serta sumber kepustakaan yang berkaitan dengan jenayah sihir, terutamanya yang melibatkan keterangan pendapat. Analisis turut meliputi institusi penting seperti Mahkamah Syariah di Malaysia, serta individu yang relevan seperti hakim, pakar dalam bidang yang berkaitan, dan saksi bukan pakar yang terlibat. Data kajian diperoleh daripada sumber primer, iaitu peruntukan undang-undang keterangan Syariah, dan sumber sekunder seperti laporan kes, artikel jurnal, dan buku yang berkaitan. Kesemua data ini dianalisis untuk memahami bagaimana kombinasi pendapat pakar dan bukan pakar dapat memperkuat pembuktian dalam kes jenayah sihir.

Analisis data dilakukan melalui tiga tahap utama seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (2008), iaitu reduksi data, penyajian data, dan verifikasi data. Reduksi data melibatkan pemilihan dan penyaringan maklumat yang relevan daripada sumber-sumber perundangan dan kes mahkamah. Penyajian data dijalankan dalam bentuk jadual dan naratif untuk membantu mengenal pasti pola dan trend dalam penerimaan keterangan pendapat. Verifikasi data pula dilakukan melalui triangulasi, dengan membandingkan hasil analisis dengan kajian terdahulu bagi memastikan kesahihan dapatan. Kaedah ini membolehkan penulis menghasilkan temuan yang terperinci dan berwibawa dalam memahami kebolehterimaan keterangan pendapat di Mahkamah Syariah.

Aplikasi Keterangan Pendapat dalam Jenayah Sihir di Mahkamah Syariah

Dalam kes jenayah sihir, pembuktian adalah suatu proses yang sangat kompleks, terutama sekali kerana elemen-elemen sihir yang sukar dibuktikan melalui kaedah pembuktian konvensional. Elemen utama yang perlu dibuktikan dalam jenayah sihir adalah berkaitan kewujudan perbuatan jenayah dan niat jenayah melakukan sihir (Ismail et al., 2017). Oleh itu, keterangan pendapat, sama ada daripada pakar atau bukan pakar, memainkan peranan penting dalam membantu mahkamah membuat keputusan yang lebih adil dan tepat (Nasri et al., 2017). Jadual yang disediakan menggambarkan bagaimana pelbagai jenis pendapat boleh digunakan sebagai *qarinah* berdasarkan peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, yang diterapkan secara khusus dalam konteks jenayah sihir.

Jadual 1: Pemakaian Keterangan Pendapat Bagi Jenayah Sihir

Jenis Pendapat	Peruntukan Seksyen	Keterangan	Aplikasi dalam Jenayah Sihir
Pakar	Seksyen 33: Pendapat Pakar	Pendapat seseorang dengan kepakaran dalam undang-undang, sains, seni, atau identiti/ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau penentuan nasab boleh diterima sebagai <i>qarinah</i> .	Pendapat pakar perubatan, forensik, psikologi, dan pengubatan Islam mengenai simptom, bahan sihir, dan keadaan mental.
	Seksyen 34: Fakta Berkenaan dengan Pendapat Pakar	Fakta yang menjadi asas kepada pendapat pakar boleh dijadikan <i>qarinah</i> jika relevan.	Analisis bahan sihir oleh pakar forensik atau penilaian simptom oleh pakar perubatan yang relevan dengan kes sihir.

Jenis Pendapat	Peruntukan Seksyen	Keterangan	Aplikasi dalam Jenayah Sihir
Bukan Pakar	Seksyen 35: Bila Pendapat tentang Tulisan Tangan ialah <i>Qarinah</i>	Pendapat bukan pakar mengenai tulisan tangan boleh dijadikan <i>qarinah</i> dalam kes tertentu.	Analisis tulisan tangan yang berkaitan dengan jampi atau mantera dalam kes sihir.
	Seksyen 36: Bila Pendapat tentang Kewujudan Hak atau 'Urf ialah <i>Qarinah</i>	Pendapat bukan pakar mengenai kewujudan hak atau urf boleh dijadikan <i>qarinah</i> .	Pendapat agamawan atau pengamal urf setempat mengenai adat sihir dalam masyarakat tertentu.
	Seksyen 37: Bila Pendapat tentang Kelaziman, Rukun, dan Sebagainya ialah <i>Qarinah</i>	Pendapat bukan pakar mengenai kelaziman atau rukun amalan tertentu boleh dijadikan <i>qarinah</i> .	Keterangan bekas dukun atau pengamal sihir mengenai ritual atau amalan sihir yang biasa dilakukan.
	Seksyen 38: Bila Pendapat Mengenai Hubungan ialah <i>Qarinah</i>	Pendapat mengenai hubungan antara individu atau entiti boleh diterima sebagai <i>qarinah</i> .	Keterangan dari ahli keluarga atau rakan mengenai hubungan antara tertuduh dan mangsa yang dikaitkan dengan sihir.
Pakar dan Bukan Pakar	Seksyen 39: Bila Alasan Pendapat ialah <i>Qarinah</i>	Alasan yang diberikan untuk menyokong pendapat mestilah jelas dan munasabah.	Alasan saintifik atau pengalaman praktikal yang menyokong pendapat tentang sihir, seperti bukti ritual atau gejala sihir.

Sumber: Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002

Jadual ini menggambarkan bagaimana pendapat pakar dan bukan pakar boleh diterima di Mahkamah Syariah dalam kes jenayah sihir berdasarkan peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Setiap jenis pendapat disokong oleh peruntukan undang-undang yang membolehkan ia dijadikan *qarinah*, membantu mahkamah dalam membuat keputusan yang adil dan berasas (Yahya, Mustafa, & Hasim, 2023).

Seksyen 33 memperuntukkan bahawa pendapat pakar dalam bidang-bidang khusus seperti undang-undang, sains, seni, atau penentuan identiti, ketulenan tulisan tangan, cap jari, atau nasab boleh diterima sebagai *qarinah*. Berdasarkan konteks jenayah sihir, pendapat pakar ini sangat kritikal kerana ia memberikan pandangan berdasarkan ilmu khusus yang tidak dimiliki oleh hakim atau orang awam (Nasri & Md Noor, 2020). Sebagai contoh, pakar perubatan mungkin diperlukan untuk memberikan keterangan tentang simptom fizikal yang dialami oleh mangsa yang tidak dapat dijelaskan melalui sebab-sebab perubatan biasa. Begitu juga, pakar forensik boleh menganalisis bahan-bahan sihir seperti objek yang dipercayai digunakan dalam ritual sihir, sementara pakar psikologi menilai keadaan mental mangsa atau tertuduh.

Seksyen 34 pula membenarkan fakta yang menjadi asas kepada pendapat pakar dijadikan *qarinah* jika relevan dengan isu yang dibicarakan. Hal ini bermaksud bahawa analisis dan penilaian yang dilakukan oleh pakar mestilah berdasarkan fakta-fakta yang sah dan boleh dipercayai. Sebagai contoh, jika pakar forensik mendapati bahan yang digunakan dalam sihir mengandungi elemen-elemen yang dikaitkan dengan amalan sihir, fakta ini boleh digunakan sebagai *qarinah* untuk menyokong pendapat pakar tersebut. Selain itu, Seksyen 39 yang terpakai kepada kedua-dua pendapat pakar dan bukan pakar, menyatakan bahawa alasan yang diberikan untuk menyokong pendapat mesti jelas, logik, dan munasabah. Alasan ini boleh diterima sebagai *qarinah* jika ia membantu mahkamah memahami dan membuat keputusan mengenai kes yang dibicarakan.

Bagi keterangan pendapat bukan pakar, Seksyen 35 hingga Seksyen 38 menyediakan peruntukan yang membolehkan pelbagai jenis pendapat diterima sebagai *qarinah* dalam konteks jenayah sihir. Seksyen 35, sebagai contoh, membolehkan pendapat bukan pakar mengenai tulisan tangan diterima sebagai *qarinah* dalam kes tertentu, seperti analisis tulisan tangan pada mantera atau jampi yang digunakan dalam ritual sihir. Seksyen 36 membolehkan pendapat mengenai kewujudan hak atau urf (adat) dijadikan *qarinah*, yang relevan apabila memahami bagaimana sihir dilihat dalam konteks adat setempat. Seksyen 37 pula membenarkan pendapat bukan pakar mengenai kelaziman atau rukun amalan tertentu diterima sebagai *qarinah*, seperti keterangan dari bekas dukun mengenai ritual atau amalan sihir. Seksyen 38 memperuntukkan bahawa pendapat mengenai hubungan antara individu atau entiti boleh dijadikan *qarinah*, seperti keterangan dari rakan atau ahli keluarga mengenai hubungan antara tertuduh dan mangsa yang mungkin menjadi motif di sebalik amalan sihir.

Kesemua peruntukan ini, termasuk Seksyen 39, yang membenarkan alasan pendapat dijadikan *qarinah*, memastikan bahawa keterangan pendapat yang diberikan di mahkamah adalah berasaskan fakta dan alasan yang boleh dipercayai. Keadaan ini membantu mahkamah dalam menilai bukti dengan lebih teliti dan memastikan bahawa setiap elemen kes, termasuk yang melibatkan perkara-perkara ghaib seperti sihir, diadili dengan adil dan sesuai dengan prinsip perundangan Islam. Berdasarkan cara ini, keterangan pendapat dalam kes jenayah sihir bukan sahaja membantu menjelaskan elemen-elemen yang sukar dibuktikan tetapi juga memberikan asas yang kukuh bagi mahkamah dalam mencapai keputusan yang tepat dan adil.

Keterangan Pendapat Pakar Khusus dalam Membuktikan Jenayah Sihir

Terdapat empat golongan pendapat pakar yang khusus bagi membantu dalam proses mengemukakan keterangan dan pembuktian iaitu pakar perubatan, pakar forensik, pakar psikologi dan pengamal pengubatan Islam yang bertauliah:

Pakar Perubatan

Terdapat 3 kategori pakar perubatan yang relevan untuk memberikan keterangan pendapat berkaitan jenayah sihir iaitu pengamal perubatan am, pakar psikiatri dan pakar neurologi.

Pengamal Perubatan Am

Pengamal Perubatan Am adalah barisan pertama dalam menilai keadaan fizikal mangsa yang didakwa terkena sihir. Mereka menjalankan pemeriksaan fizikal menyeluruh dan ujian asas untuk mengenal pasti tanda-tanda fizikal yang tidak biasa atau mencurigakan. Berdasarkan kelayakan asas seperti ijazah perubatan (MD atau MBBS) dari universiti yang diiktiraf dan latihan housemanship selama dua tahun, mereka dilengkapi dengan kemahiran diagnostik

dan rawatan klinikal. Pengamal Perubatan Am juga mesti mendapatkan lesen penuh daripada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) untuk berkhidmat sebagai doktor yang sah. Laporan perubatan mereka, yang disokong oleh kemudahan diagnostik di Klinik Kesihatan Kerajaan atau hospital kerajaan, memberikan bukti saintifik yang objektif. Pengamal Perubatan Am juga boleh dipanggil untuk memberikan keterangan sebagai saksi pakar, membantu mahkamah memahami bukti perubatan dalam bahasa yang mudah difahami oleh hakim. Contohnya, mereka boleh memberikan penjelasan tentang kecederaan yang tidak dapat dijelaskan, kelumpuhan tiba-tiba, atau simptom lain yang tidak responsif kepada rawatan konvensional, menunjukkan kemungkinan adanya pengaruh sihir (Ismail, 2022).

Pakar Psikiatri

Pakar psikiatri memainkan peranan penting dalam menilai keadaan mental tertuduh dan mangsa dalam kes jenayah sihir (Vyshka & Simoni, 2021). Mereka memiliki kelayakan khusus yang merangkumi ijazah perubatan (MD atau MBBS), latihan housemanship, dan latihan kepakaran dalam psikiatri selama 4 hingga 6 tahun. Mereka juga mesti diiktiraf dan didaftarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Berdasarkan latihan khusus dalam gangguan mental, pakar psikiatri dapat menentukan sama ada simptom mental yang dialami oleh individu tersebut adalah hasil daripada gangguan psikiatri atau faktor lain. Mereka membantu mahkamah memahami aspek psikologi yang mungkin berkaitan dengan kes sihir, memberikan penilaian mendalam yang boleh menjelaskan tingkah laku tertuduh atau mangsa. Mereka juga boleh menetapkan rawatan atau ubat-ubatan yang sesuai jika diperlukan, memberikan pandangan kritikal mengenai kesahihan dakwaan sihir yang mungkin berkaitan dengan gangguan mental seperti halusinasi atau delusi. Berdasarkan konteks undang-undang, keterangan dari pakar psikiatri adalah penting untuk menilai kewarasan tertuduh dan keupayaan mereka untuk memahami kesalahan yang didakwa (Ismail, 2022).

Pakar Neurologi

Pakar neurologi menilai faktor neurologi yang mungkin mempengaruhi tingkah laku dan persepsi individu yang didakwa terlibat dalam amalan sihir. Mereka mempunyai kelayakan yang terdiri daripada ijazah perubatan (MD atau MBBS), latihan housemanship, dan latihan kepakaran dalam neurologi selama 4 hingga 6 tahun. Pengiktirafan dan pendaftaran dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) adalah wajib. Pakar neurologi bertanggungjawab mendiagnosis kondisi otak yang mungkin menyebabkan halusinasi, delusi, atau simptom neurologi lain. Berdasarkan latihan khusus dalam gangguan neurologi, pakar neurologi memberikan penjelasan yang tepat mengenai masalah saraf dan otak, membantu mahkamah membezakan antara masalah neurologi yang sebenar dan fenomena supranatural (Darby *et. al.*, 2024). Contohnya, mereka boleh menjelaskan jika simptom yang dialami mangsa adalah akibat gangguan neurologi seperti epilepsi atau penyakit neurodegeneratif. Menurut aspek undang-undang, keterangan dari pakar neurologi membantu mahkamah menentukan sama ada terdapat sebab-sebab fizikal yang sah untuk simptom yang dialami oleh mangsa, sekaligus menolak kemungkinan adanya unsur sihir.

Pakar Forensik

Pakar forensik memainkan peranan kritikal dalam menganalisis bukti fizikal yang berkaitan dengan jenayah sihir. Mereka mengumpul, menganalisis, dan menafsirkan bukti dari tempat kejadian, memastikan kesahihan dan ketepatan bukti fizikal yang dikemukakan di mahkamah (Vyshka & Simoni, 2021). Untuk menjadi pakar forensik, seseorang perlu memiliki ijazah

sarjana muda dalam sains forensik, kimia, biologi, atau bidang berkaitan, serta menjalani latihan pascasiswazah dalam sains forensik atau latihan khusus. Pengiktirafan dan pendaftaran dari badan profesional forensik juga diperlukan. Institusi seperti Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kimia Malaysia menyediakan pakar yang terlatih untuk menjalankan tugas-tugas ini. Laporan forensik mereka memberikan asas saintifik yang kukuh untuk menilai dakwaan sihir, membantu mahkamah memahami bagaimana bukti fizikal berkaitan dengan kes tersebut. Sebagai contoh, mereka boleh mengesahkan kehadiran bahan-bahan yang dikaitkan dengan amalan sihir, atau menganalisis DNA dan cap jari yang boleh mengaitkan suspek dengan tempat kejadian. Tempat-tempat lain yang boleh menjalankan ujian forensik di Malaysia termasuk Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), dan Institut Penyelidikan Forensik Malaysia (IFR). Dari sudut undang-undang, keterangan forensik sangat penting kerana ia menyediakan bukti fizikal yang boleh disahkan secara saintifik, menguatkan lagi dakwaan jenayah sihir.

Pakar Psikologi

Pakar psikologi membantu mahkamah dengan menilai keadaan mental tertuduh dan mangsa dalam kes jenayah sihir. Mereka menggunakan teknik terapi dan penilaian psikologi untuk menentukan sama ada terdapat gangguan mental yang boleh menjelaskan tingkah laku yang didakwa sebagai sihir. Untuk menjadi pakar psikologi, seseorang perlu memiliki ijazah sarjana muda dalam psikologi, ijazah sarjana atau doktor falsafah (PhD) dalam psikologi klinikal, psikologi kaunseling, atau bidang berkaitan, serta lesen atau pendaftaran dari Lembaga Psikologi Malaysia (LPPM). Institusi seperti Jabatan Psikologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Pusat Psikologi Malaysia menyediakan pakar yang terlatih dalam bidang ini. Laporan psikologi mereka membantu mahkamah memahami faktor psikososial yang mungkin mempengaruhi kes sihir, memberikan konteks tambahan yang penting untuk penilaian kes. Contohnya, mereka boleh menilai sama ada mangsa mengalami gangguan stres pasca trauma atau gangguan keperibadian yang mungkin menyebabkan dakwaan sihir. Menurut aspek perundangan, keterangan psikologi adalah penting untuk menilai sama ada tertuduh atau mangsa mempunyai keadaan mental yang boleh mempengaruhi kesahihan keterangan mereka.

Pengamal Pengubatan Islam

Pengamal pengubatan Islam memberikan perspektif agama dan tradisional mengenai sihir, termasuk tanda-tanda dan gejala yang diiktiraf dalam perubatan Islam. Mereka menjelaskan kaedah rawatan dan pengubatan Islam yang digunakan untuk mengatasi sihir. Bagi menjadi ahli pengamal pengubatan Islam, seseorang perlu memiliki pendidikan formal dalam pengubatan Islam melalui madrasah, pondok, atau institusi pendidikan Islam, serta menjalani latihan praktikal di bawah bimbingan pengamal pengubatan Islam yang berpengalaman. Pengiktirafan atau tauliah dari badan pengubatan Islam seperti Darussyifa' atau Persatuan Pengubatan Islam Malaysia juga diperlukan. Institusi seperti Pusat Rawatan Islam Darussyifa' dan Persatuan Pengubatan Islam Malaysia menyediakan pakar dalam bidang ini. Laporan mereka memberikan wawasan tambahan yang tidak diperoleh daripada pakar perubatan konvensional, membantu mahkamah memahami aspek-aspek keagamaan yang relevan dengan kes sihir. Contohnya, mereka boleh menerangkan amalan ruqyah atau penggunaan ayat-ayat Quran untuk merawat mangsa yang dikatakan terkena sihir. Dari aspek undang-undang, keterangan pengamal pengubatan Islam adalah penting untuk memberikan perspektif budaya dan agama yang mungkin mempengaruhi tingkah laku dan kepercayaan mangsa dan tertuduh (Ismail, 2022).

Keterangan Pendapat Pakar Umum dalam Membuktikan Jenayah Sihir

Selain pendapat pakar di atas, terdapat lagi pakar lain yang mempunyai kaitan secara tidak langsung dan turut dapat membantu dalam proses pengemukaan keterangan dan pembuktian seperti pakar teknik digital dan siber, ahli kriminologi dan ahli akademik yang berkaitan.

Pakar Teknik Digital dan Siber

Pakar teknik digital dan siber menganalisis bukti digital yang berkaitan dengan sihir, seperti komunikasi elektronik atau jejak digital lain. Mereka memastikan keaslian dan integriti bukti digital yang dikemukakan di mahkamah. Bagi menjadi pakar teknik digital dan siber, seseorang perlu memiliki ijazah sarjana muda dalam teknologi maklumat, sains komputer, atau bidang berkaitan, serta menjalani latihan khusus dalam analisis forensik digital. Pengiktirafan dari badan profesional siber juga diperlukan. Institusi seperti CyberSecurity Malaysia dan universiti-universiti dengan program teknologi maklumat menyediakan pakar dalam bidang ini. Sebagai contoh, mereka boleh meneliti e-mel, mesej teks, atau rekod panggilan yang mungkin mengandungi bukti perancangan atau pelaksanaan sihir (CyberSecurity Malaysia, 2021). Berdasarkan aspek perundangan, keterangan pakar digital dan siber adalah penting untuk mengesahkan bukti elektronik yang mungkin digunakan untuk menunjukkan niat atau tindakan tertuduh dalam kes sihir.

Ahli Kriminologi

Ahli kriminologi menganalisis corak jenayah dan niat di sebalik tindakan yang berkaitan dengan sihir. Mereka menyediakan laporan yang memberikan pandangan mengenai profil tertuduh dan modus operandi jenayah sihir. Untuk menjadi ahli kriminologi, seseorang perlu memiliki ijazah sarjana muda dalam kriminologi, sosiologi, atau bidang berkaitan, serta menjalani latihan khusus dalam analisis corak jenayah dan psikologi jenayah. Pengiktirafan dari institusi akademik atau badan profesional kriminologi juga diperlukan. Institusi seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyediakan pakar dalam bidang ini. Sebagai contoh, ahli kriminologi boleh mengkaji sejarah jenayah suspek dan mengaitkannya dengan corak jenayah sihir yang serupa, membantu mahkamah memahami latar belakang dan motivasi tertuduh. Menurut konteks undang-undang, keterangan kriminologi membantu mahkamah memahami modus operandi dan profil psikologi tertuduh, serta memberikan perspektif yang lebih mendalam tentang corak jenayah sihir.

Ahli Akademik

Ahli akademik memberikan pandangan teoretikal dan empirikal mengenai sihir berdasarkan kajian mendalam mengenai sejarah, budaya, sosial, dan hukum sihir. Laporan akademik mereka membantu mahkamah memahami latar belakang dan konteks sihir dalam masyarakat. Untuk menjadi ahli akademik yang pakar dalam bidang ini, seseorang perlu memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan dengan sihir seperti antropologi, sejarah, atau sosiologi, serta ijazah sarjana atau doktor falsafah (PhD) dalam kajian khusus mengenai sihir atau bidang berkaitan. Pengiktirafan dari institusi akademik atau pusat penyelidikan juga diperlukan. Institusi seperti universiti-universiti dan pusat penyelidikan menyediakan pakar dalam bidang ini. Sebagai contoh, ahli akademik boleh membentangkan kajian kes atau statistik mengenai kejadian sihir dalam sejarah dan budaya tertentu, memberikan konteks yang lebih luas kepada mahkamah. Berdasarkan aspek perundangan, keterangan ahli akademik memberikan analisis konteks sejarah dan budaya yang dapat memperkayakan pemahaman mahkamah tentang fenomena sihir.

Keterangan Pendapat Bukan Pakar dalam Membuktikan Jenayah Sihir

Ahli Teologi atau Agamawan

Ahli teologi atau agamawan memberikan pandangan agama mengenai sihir, menjelaskan ajaran dan hukum-hukum agama yang berkaitan dengan sihir. Mereka membantu mahkamah memahami perspektif agama yang relevan dengan kes tersebut. Institusi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi-institusi keagamaan menyediakan pakar dalam bidang ini. Contohnya, mereka boleh menjelaskan pandangan agama terhadap sihir dan bagaimana ia dianggap dalam masyarakat Islam. Dari sudut undang-undang, keterangan dari ahli teologi atau agamawan memberikan perspektif keagamaan yang penting dalam memahami kepercayaan dan amalan sihir dalam masyarakat. Golongan ini adalah berbeza dengan pengamal pengubatan Islam atau mereka yang tidak berdaftar secara khusus, tetapi mempunyai kelayakan atau pengalaman yang mendalam berkaitan sihir menurut perspektif Islam (Nasri & Md Noor, 2020).

Pihak yang Pernah Melakukan Ritual Sihir / Dukun

Pihak yang pernah melakukan ritual sihir atau dukun memberikan keterangan mengenai teknik dan prosedur sihir yang mereka lakukan. Pengalaman mereka dapat memberikan gambaran jelas yang boleh membantu mahkamah memahami amalan sihir dari perspektif pelaku. Sebagai contoh, mereka boleh menerangkan langkah-langkah spesifik yang diambil dalam menjalankan ritual sihir dan tujuan setiap langkah. Menurut konteks undang-undang, keterangan dari pihak yang pernah melakukan sihir memberikan pandangan langsung tentang bagaimana ritual sihir dijalankan dan membantu mahkamah memahami elemen-elemen praktikal yang mungkin sukar difahami tanpa pengetahuan langsung. Dalam Islam, terdapat perbincangan bahawa mereka yang pernah melakukan sihir, namun telah bertaubat, maka keterangan atau kesaksian mereka boleh dipertimbangkan untuk diterima. Ibn Qudamah menjelaskan bahawa seseorang yang bertaubat dari dosa besar seperti sihir, dan menunjukkan perubahan dalam akhlak mereka, boleh diterima sebagai saksi jika taubatnya dinilai sahih oleh mahkamah (Ibn Qudamah, 1968). Perbincangan ini turut disokong oleh Wahbah Mustafa al-Zuhayli, yang menguraikan bahawa taubat seseorang dari dosa besar boleh memulihkan status *`adalah* mereka, yang merupakan syarat utama bagi kelayakan saksi dalam Islam (al-Zuhayli, 1989).

Selain itu, Muhammad ibn Ahmad ibn Rushd menekankan peranan taubat dalam memulihkan kelayakan seseorang untuk menjadi saksi, dengan mengambil kira perbezaan pandangan antara mazhab mengenai penerimaan taubat sebagai pemulihan *`adalah* (Ibn Rushd, 2003). Ahmad ibn Muhammad ibn Hajar al-Haytami juga membincangkan bahawa bagi mazhab Syafi'i, taubat dari dosa besar perlu disertai dengan bukti perubahan tingkah laku untuk membolehkan kesaksian mereka diterima (Ibn Hajar al-Haytami, 1997). Golongan yang pernah melakukan ritual sihir atau dukun relevan untuk memberikan pendapat di mahkamah kerana pengalaman langsung mereka dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai amalan sihir, yang sering kali sukar difahami tanpa pengetahuan khusus. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk memastikan bahawa individu tersebut telah bertaubat dengan sepenuh hati dan tidak lagi mengamalkan perbuatan tersebut yang merupakan dosa besar dalam Islam. Hanya dengan memastikan taubat yang sahih dan perubahan tingkah laku yang jelas, barulah keterangan mereka boleh diterima sebagai sah dan berwibawa di mata undang-undang Islam, selaras dengan prinsip *`adalah* yang menuntut keadilan dan kejujuran daripada setiap saksi.


Pihak yang Pernah Meminta untuk Melakukan Sihir

Pihak yang pernah meminta untuk melakukan sihir memberikan keterangan mengenai konteks dan tujuan permintaan sihir. Mereka membantu mahkamah memahami niat dan latar belakang di sebalik permintaan untuk melakukan sihir. Sebagai contoh, mereka boleh menjelaskan motivasi mereka untuk meminta sihir, seperti dendam atau mendapatkan kekayaan. Menurut aspek undang-undang, keterangan ini penting untuk menilai niat dan motivasi di sebalik tindakan yang berkaitan dengan sihir, memberikan konteks tambahan untuk memahami alasan di sebalik permintaan sihir.

Ahli Keluarga atau Rakan Terdekat

Ahli keluarga atau rakan terdekat memberikan keterangan mengenai perubahan tingkah laku atau keadaan mental individu yang didakwa terlibat dalam sihir. Pengamatan mereka memberikan konteks peribadi yang membantu mahkamah memahami keadaan sebenar individu tersebut. Sebagai contoh, mereka boleh memberikan kesaksian tentang perubahan mendadak dalam tingkah laku atau kesihatan mental individu yang mungkin menunjukkan pengaruh sihir. Berdasarkan aspek undang-undang, keterangan ini memberikan pandangan peribadi yang penting dalam menilai perubahan tingkah laku atau keadaan mental yang mungkin relevan dengan dakwaan sihir.

Secara keseluruhannya, keterangan pendapat (pakar dan bukan pakar) yang relevan untuk dikemukakan di mahkamah bagi membuktikan jenayah sihir adalah seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1: Aplikasi Keterangan Pendapat dalam Jenayah Sihir

Cadangan Penambahbaikan dari Aspek Perundangan

Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dari aspek perundangan untuk meningkatkan keberkesanan pembuktian jenayah sihir di mahkamah.

Pemakaian Keterangan Pakar yang Lebih Meluas dan Komprehensif

Cadangan pertama adalah untuk memperluaskan penggunaan keterangan pakar dalam kes jenayah sihir. Dalam konteks ini, keterangan daripada pakar perubatan, forensik, psikologi, dan pengamal pengubatan Islam memainkan peranan penting. Keterangan pakar perlu diiktiraf sebagai bukti sah yang dapat membantu mahkamah membuat penilaian yang lebih tepat dan berasas. Keadaan ini memerlukan penggubalan undang-undang yang membenarkan penerimaan keterangan dari pelbagai disiplin ilmu secara sistematik. Contohnya, Akta Keterangan 1950 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah perlu dipinda untuk mengiktiraf keterangan pakar dari bidang perubatan, forensik, psikologi, dan pengubatan Islam sebagai bukti yang sah. Pengamal perubatan am, pakar psikiatri, pakar neurologi, pakar forensik, pakar psikologi, dan pengamal pengubatan Islam mempunyai kelayakan dan kepakaran masing-masing untuk memberikan pandangan yang objektif dan saintifik mengenai bukti jenayah sihir (Nasri & Md Noor, 2020).

Kerjasama Pintar Antara Institusi, Pihak Kerajaan dan Swasta

Langkah kedua ialah meningkatkan kerjasama antara institusi perubatan, forensik, dan agama untuk memastikan keterangan yang diberikan adalah komprehensif dan berintegriti. Institusi seperti Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kimia Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), dan Institut Penyelidikan Forensik Malaysia (IFR) boleh memainkan peranan penting dalam menjalankan analisis bukti fizikal dan saintifik. Kerjasama ini akan membolehkan pengumpulan dan analisis bukti dilakukan secara lebih menyeluruh dan bersepadu. Selain itu, institusi pengubatan Islam seperti Darussyifa' dan Persatuan Pengubatan Islam Malaysia boleh memberikan perspektif yang berkaitan dengan amalan dan rawatan sihir dalam konteks agama. Melalui kerjasama ini, keterangan yang diberikan akan lebih menyeluruh dan dapat menggabungkan pandangan saintifik dan keagamaan yang relevan dengan kes sihir.

Penggubalan Perundangan yang Lebih Spesifik

Perundangan yang lebih spesifik mengenai keterangan dalam kes jenayah sihir perlu diperkenalkan untuk mengurangkan ketidakpastian dan memastikan keadilan dalam proses perundangan. Undang-undang sedia ada boleh diperbaiki dengan menetapkan garis panduan atau prosedur khusus yang jelas tentang jenis keterangan yang boleh diterima dalam kes-kes sihir. Hal ini termasuklah penerimaan keterangan pakar yang berasaskan sains serta keterangan dari pengamal pengubatan Islam. Sebagai contoh, undang-undang boleh menetapkan bahawa keterangan daripada pakar forensik yang mengesahkan kehadiran bahan-bahan sihir, atau keterangan daripada pengamal pengubatan Islam yang menerangkan amalan ruqyah, boleh diterima sebagai bukti sah di mahkamah. Selain itu, perundangan juga perlu menyediakan panduan yang jelas mengenai proses pengumpulan, analisis, dan penyampaian keterangan di mahkamah untuk memastikan bahawa semua bukti dikendalikan dengan cara yang betul dan boleh dipercayai (Nasri, 2015).

Peningkatan Kemahiran, Latihan dan Kesedaran

Latihan khusus dan program peningkatan kemahiran untuk pengamal undang-undang seperti hakim, pendakwa, dan peguam mengenai isu-isu berkaitan jenayah sihir dan keterangan pakar

perlu diperkenalkan. Latihan ini penting untuk memastikan pihak yang terlibat dalam proses perundangan memahami dengan lebih baik tentang jenis keterangan yang relevan dan bagaimana untuk menilainya secara objektif. Latihan ini boleh merangkumi sesi pengenalan kepada prinsip-prinsip asas dalam sains forensik, psikologi, dan perubatan yang berkaitan dengan sihir, serta latihan praktikal dalam menilai keterangan pakar. Selain itu, program kesedaran awam juga perlu dilaksanakan untuk memberikan pemahaman yang lebih baik kepada masyarakat mengenai jenayah sihir dan kepentingan keterangan pakar dalam proses perundangan.

Penubuhan Badan Kawalan dan Pengawasan

Cadangan terakhir adalah penubuhan badan pengawasan yang khusus untuk menangani kes-kes jenayah sihir. Badan ini boleh terdiri daripada pakar-pakar dari pelbagai bidang yang mempunyai kepakaran dalam memahami dan menganalisis bukti yang berkaitan dengan sihir. Badan ini juga boleh bertindak sebagai badan penasihat kepada mahkamah dalam kes-kes yang melibatkan dakwaan sihir. Sebagai contoh, badan ini boleh membantu dalam menyemak dan mengesahkan keterangan pakar yang dikemukakan di mahkamah, serta memberikan pandangan yang objektif dan berasaskan bukti mengenai kes tersebut. Penubuhan badan pengawasan ini akan memastikan bahawa semua keterangan yang dikemukakan adalah sah, berasaskan bukti, dan dapat dipercayai.

Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini menekankan betapa pentingnya keterangan pendapat, terutama daripada pakar, dalam membuktikan jenayah sihir di Mahkamah Syariah. Jenayah sihir, dengan sifatnya yang tidak nyata dan sering kali sukar dibuktikan melalui bukti fizikal biasa, memerlukan pendekatan pembuktian yang lebih holistik. Keterangan daripada pakar perubatan am, pakar forensik, pakar psikologi, dan pengamal pengubatan Islam memberikan asas saintifik dan teknikal yang kukuh, membantu mahkamah dalam memahami simptom, bahan, dan keadaan mental yang berkaitan dengan sihir. Setiap keterangan ini menyumbang kepada penilaian yang lebih tepat dan menyeluruh, membolehkan mahkamah mengambil kira semua aspek kes dalam mencapai keputusan yang adil dan berasas. Namun, setakat kajian dan penemuan penulis, Mahkamah Syariah di Malaysia masih belum merujuk secara khusus kepada seksyen 35-38 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan pendapat bukan pakar dalam kes-kes yang melibatkan sihir. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat potensi untuk meneroka dan mengembangkan penggunaan keterangan bukan pakar dalam kes-kes ini. Namun begitu, terdapat cabaran dari aspek penerimaan keterangan pendapat kerana ia hanya merupakan keterangan pendapat dan bukannya keterangan fakta. Mahkamah juga tidak terikat untuk menerimanya serta menghadapi cabaran dari aspek kebolehpercayaan terhadap saksi-saksi daripada keterangan pendapat ini.

Walau bagaimanapun, keunikan artikel ini terletak pada penekanan terhadap kepelbagaian keterangan pendapat, baik dari pakar mahupun bukan pakar, yang diperlukan untuk membuktikan jenayah sihir secara efektif. Artikel ini telah menggariskan bagaimana keterangan daripada pelbagai disiplin ilmu dan pengalaman praktikal yang relevan dapat diintegrasikan untuk membentuk rangka pembuktian yang lebih komprehensif di Mahkamah Syariah. Berdasarkan pelbagai keterangan pendapat ini, mahkamah dapat menjalankan proses keadilan dengan lebih berkesan, memastikan bahawa semua elemen kes, termasuk yang melibatkan perkara-perkara ghaib dan subjektif, ditangani dengan cermat dan adil. Pendekatan

yang disarankan dalam artikel ini diharapkan dapat memperkuat sistem perundangan Syariah dalam menangani kes-kes jenayah sihir yang semakin kompleks dan mencabar.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Prof. Madya Dr. Ruzman Md Noor atas bimbingan dan tunjuk ajar. Artikel ini adalah bagi memenuhi sebahagian prasyarat Ijazah Kedoktoran (PhD) di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Rujukan

- Al-Mawardi, A. A. H. A. M. H. (1994). *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Y. S. (1996). *Al-Majmu'* (Vol. 19). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, A. A. M. A. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Cairo: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Syarbini, M. al-K. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. M. (1989). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- CyberSecurity Malaysia. (2021). *Landskap Keselamatan Siber Malaysia 2020: Apakah Persediaan Menghadapi Cabaran Keselamatan Siber Mendatang?*. Cyberjaya: CyberSecurity Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia.
- Darby, R. R., Considine, C., Weinstock, R., & Darby, W. C. (2024). Forensic Neurology: A Distinct Subspecialty at The Intersection of Neurology, Neuroscience and Law. *Nature Reviews Neurology*, 20(1), 183–193.
- Harian Metro. (2022, December 15). *Amalan perbomohan, sihir jadi kesalahan di Terengganu*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/12/910292/amalan-perbomohan-sihir-jadi-kesalahan-di-terengganu-metrotv>
- Ibn Hajar al-Haytami, A. M. (1997). *Tuhfat al-Muhtaj*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Kathir, I. U. (2003). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Qudamah, M. al-D. A. A. (1968). *Al-Mughni*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Rushd, M. A. (2003). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ismail, M. (2022). *Pendakwaan Terhadap Ahli Sihir: Realiti atau Fantasi?*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Ismail, N., Mohamad, A. B., & Mohamad Tajuddin, U. R. A. (2021). Kriteria pemilihan saksi pakar forensik di mahkamah. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 333-352.
- Ismail, M. (2022). *Jenayah sihir: Analisis dari Sudut Perundangan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Ismail, M., Ramlee, Z., Sidek, J. H., Hamzah, M. J., Kusmin, Z. A., & Romli, S. A. (2017). Kesalahan jenayah sihir: Analisa Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Brunei Darussalam. *Borneo Research Journal*, 11, 60–71.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (2008). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohammed, A. B. (1999). *Amalan Sihir dan Ayat-ayat Al-Qur'an: Perbezaan Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Nasri, M. S., & Md Noor, R. (2020). Kategori Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah: Isu dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang. *Journal of Shariah Law Research*, 5(1), 35-54.

- Nasri, M. S. (2015). Jenayah sihir di Malaysia: Permasalahan dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 19, 51-58.
- Nasri, M. S., Md Ismail, M. A., Samuri, M. A. A., & Abu Yaziz, A. S. (2017). Keterangan Pakar Sebagai Cara Pembuktian di Mahkamah Syariah. Dalam *E-Prosiding Persidangan Dunia Integrasi Ilmu ke-4 (WCIK 2017)* (hlm. 78-86). Pulau Pinang, Malaysia: Bayview Hotel.
- Rajamanickam, R. (2014). Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Malaysia: Keperluan untuk Menilai Kebolehpercayaannya Secara Teliti. *Legal Network Series*, [2014] 1 LNS(A) xxxi.
- Salim, R., & Cheong, M. F. (2016). *Evidence in Malaysia and Singapore: Cases, materials and commentary* (3rd ed.). LexisNexis.
- Sinar Harian. (2022, December 14). *Terengganu lulus enakmen berkaitan sihir, bomoh*. <https://www.sinarharian.com.my/article/234184/edisi/terengganu/terengganu-lulus-enakmen-berkaitan-sihir-bomoh>
- Vyshka, G., & Simoni, S. (2021). Magic and Forensic Psychiatry: A Case Study and Review of The Literature. *World Journal of Meta-Analysis*, 9(1), 45-50.
- Yahya, M. A., Mustafa, M. M. S. M., & Hasim, D. H. D. (2023). *Qarinah dan Sabitan dalam Jenayah Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusoff, J. Z. M. (2004). *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Statut

- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002
- Kanun Jenayah Syariah (I) (Negeri Kelantan) 2019.